PERJALANAN EKONOMI MALAYSIA 1

Ekonomi Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara sejak kemerdekaan

Malaysia membangun dan rakyat menerima limpahan manfaat daripada hasil pembangunan

CAGR	1960 - 1980: 7.4%	1980 - 1998: 6.4%	1998 - Kini: 4.7%
Sorotan Utama	• Ekonomi berasaskan komoditi • Peralihan daripada sektor pertanian, permulaan sektor perindustrian • Penubuhan Petronas • Kemunculan sektor pembuatan berasaskan FDI	• Ekonomi pembuatan berorientasikan eksport • ≥9% pertumbuhan setiap tahun antara 1988 dan 1996	• Ketangkasan diversifikasi ke sektor perkhidmatan mengakibatkan pengunjuran sektor perindustrian sebelum masanya

1957 ◇ 1960 ◇ 1970 ◇ 1980 ◇ 1998 ◇ Kini

Krisis Kewangan Asia (AFC)

Nota: CAGR - Compounded Annual Growth Rate

Pasca-AFC, terdapat perubahan ketara ke atas trajektori pertumbuhan Malaysia...

- Malaysia **kekurangan enjin pertumbuhan baharu**
- Terdapat **jurang yang besar** antara **pendapatan isi rumah** dan **pertumbuhan ekonomi**
- Malaysia **terjerumus dalam kitaran kemelesetan** dengan **kos rendah, gaji rendah, keuntungan rendah dan kurang berdaya saing**

- Malaysia pernah mencapai pertumbuhan ekonomi yang luar biasa dan rakyat telah menerima limpahan manfaat daripada hasil pembangunan.
- Melangkaui angka KDNK, pelbagai ukuran pembangunan penting turut dicapai seperti pengurangan kadar kematian bayi, peningkatan jangka hayat, peningkatan kadar celik huruf dan persekolahan, serta transformasi secara berstruktur daripada sektor pertanian kepada sektor pembuatan dan seterusnya kepada sektor perkhidmatan.
- Walau bagaimanapun, selepas Krisis Kewangan Asia pada tahun 1998, trajektori pertumbuhan Malaysia telah merudum dan terus menjunam mengakibatkan laluan pembangunan yang terbantut.

TANTANGAN EKONOMI 2

Di sebalik pertumbuhan, Malaysia masih berdepan pelbagai cabaran

1 Kemerosotan dalam tatakelola

Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah

1998: 29 → 2022: 61

2 Ekonomi yang dipacu faktor domestik

% Perdagangan kepada KDNK

2000: 220% → 2022: 141%

3 Bahagian pendapatan pekerja yang rendah

Bahagian pendapatan pekerja kepada KDNK = 2022: Hanya 32.4% daripada pendapatan terakru kepada pekerja

4 Kadar upah median dan min yang rendah

2021

RM 2,250 MEDIAN kadar upah | RM 3,037 MIN kadar upah

5 Kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang rendah

2021: 55.5% VS 80.9%

6 Kenaikan hutang negara terkumpul

Perbelanjaan — Hasil → Lebih daripada 60% KDNK

7 Penurunan % pelaburan kepada KDNK

Pra-1998: 40% → Pasca-1998: 20-25%

8 Kejatuhan nilai daya saing pada peringkat global

Kedudukan Daya Saing Dunia IMD

1997: 14 → 2023: 27

9 Isu Kemiskinan Tegar

2019 — Beberapa negeri dengan kadar kemiskinan dua angka

Lebih 400,000 isi rumah miskin tegar

- Di sebalik pembangunan negara, Malaysia masih berdepan pelbagai cabaran. Antaranya, kita berhadapan dengan pertumbuhan yang rendah, kemerosotan pelaburan, penyusutan hasil perdagangan, gaji yang rendah dan isu kemiskinan.
- Kita tidak boleh terus berada dalam trajektori ekonomi yang menurun ini. Kita bukan sahaja perlu melakukan sesuatu dengan lebih baik, tetapi perlu melakukan perkara yang lebih baik. Pendekatan masa lalu mungkin tidak lagi relevan hari ini.
- Kita perlu melakukan perkara secara berbeza. Kita perlu melakukan perkara yang lebih sukar dan mencabar. Kita perlukan naratif ekonomi yang baharu.

VISI EKONOMI MALAYSIA 3

Kita perlu memanfaatkan kekuatan sedia ada dan mewujudkan peluang baharu

Keunikan kita...

- **Rakyat**: Kepelbagaian + Keazaman
- **Geografi**: Di tengah Asia
- **Industri**: Asas Industri yang Kukuh (cth. E&E dan minyak sawit)

...dengan masa yang sesuai untuk memanfaatkan

- **Meraih Peluang daripada Kebangkitan Asia**
- **Sebuah Kerajaan yang komited untuk bekerjasama dengan Rakyat bagi membina semula Malaysia**

Kita perlukan visi ekonomi baharu...

...dengan usaha kolektif dan menghormati perbezaan pendapat...

...untuk membina Malaysia yang gemilang dan mampan

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

Menaikkan Siling — *Peneraju Ekonomi Asia*

- Destinasi Pelaburan Berdaya Saing & Bertaraf Global
- Industri Berteraskan Digital & Inovasi
- Peneraju Ekonomi Islam Global
- Jaguh PMKS Serantau
- Keterjaminan & Kemampanan Ekonomi

Untuk berjaya memerlukan pendekatan seluruh Malaysia (Rakyat, Kerajaan & Industri)

- *Dengan semangat perpaduan*
- *Tatakelola yang baik (membanteras rasuah)*
- *Penyampaian perkhidmatan awam yang tangkas & kolaboratif*

Menaikkan Lantai — *Peningkatan Darjat Hidup Rakyat*

- Pekerjaan Bermakna & Berpendapatan Tinggi
- Keterangkuman & Kesaksamaan Peluang
- Akses Sejagat Pendidikan & Kesihatan
- Kemudahan Asas Bertaraf Dunia
- Perlindungan Sosial untuk Semua

Malaysia Berasaskan Nilai MADANI

(Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Nilai Hormat, Keyakinan & Ihsan)

- Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat menyediakan kerangka bagi membina kegemilangan Malaysia untuk kita dan anak-anak kita.
- Ini termaskulah 'Menaikkan Siling' iaitu menstruktur semula ekonomi bagi mencapai sasaran lebih tinggi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia. Pada masa yang sama, untuk 'Menaikkan Lantai' iaitu meningkatkan darjat hidup rakyat.
- Strategi ini akan dibina berasaskan nilai-nilai MADANI dan memerlukan pendekatan seluruh Malaysia untuk berjaya. Rakyat, Kerajaan & industri perlu bekerjasama menjiwai semangat perpaduan, mengamalkan tatakelola yang baik sambil dibantu penyampaian perkhidmatan awam yang tangkas dan kolaboratif.

KE ARAH MENCAPAI SASARAN 4

Misi, Pelaksanaan dan Matlamat

1 Misi

Memacu pembaharuan dengan misi yang berikut

- Pertumbuhan ekonomi
- Kemampanan fiskal
- Daya saing dan penyerantauan
- Pertumbuhan inklusif
- Memperkukuh tatakelola yang baik
- Pekerjaan dengan gaji yang bermakna
- Kesaksamaan peluang

2 Pelaksanaan

Pembaharuan Sektor Awam: Memperkukuh dan mempercepat penyampaian perkhidmatan, melalui pemantauan dan pelaksanaan projek yang lebih tangkas

Pendekatan seluruh Malaysia: Kejayaan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat berlandaskan usaha sama antara semua pihak - Rakyat, Kerajaan & Industri

3 Matlamat yang Ingin Dicapai

- Kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia
- Tangga ke-12 teratas dunia dalam Daya Saing Global
- Tangga ke-25 teratas dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia
- Meningkatkan bahagian pendapatan pekerja kepada 45%
- Tangga ke-25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah
- Ke arah kemampanan fiskal, sasaran defisit fiskal 3%, atau lebih baik
- Kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai 60%

- Misi kita memfokuskan kepada - pertumbuhan ekonomi, kemampanan fiskal, daya saing dan penyerantauan, tatakelola yang baik, pertumbuhan inklusif, pekerjaan dengan gaji bermakna, serta kesaksamaan peluang.
- Kejayaan visi ini bergantung kepada pendekatan seluruh Malaysia yang menyatukan rakyat, Kerajaan dan industri, dengan reformasi sektor awam yang berfokuskan kepada ketangkasan dan kecekapan penyampaian dan pelaksanaan, serta pemantauan program yang dipertingkatkan.
- Ekonomi MADANI merangkumi sasaran dalam jangka masa sederhana merentasi aspek berbeza yang berpandukan penanda aras global untuk ekonomi dan daya saing, kualiti hidup, keterangkuman tenaga kerja, membanteras rasuah dan kemampanan fiskal.

5 MENAIKKAN SILING 6

Menstruktur semula ekonomi bagi meningkatkan daya saing negara

1 Agenda Serantau (ASEAN)

Malaysia tertumpu kepada akitiviti ekonomi domestik. Integrasi ekonomi serantau adalah kunci untuk melahirkan syarikat tempatan yang berdaya saing di pasaran antarabangsa

- Menjalinkan hubungan diplomasi perdagangan dan pengaturan strategik
- Memudah cara pergerakan barang, modal insan dan perkongsian teknologi
- Menyokong pengembangan syarikat Malaysia untuk menembusi pasaran serantau

2 Memanfaat Kecanggihan Ekonomi bagi Mengelakkan Penguncupan Perindustrian Sebelum Masanya

Insiatif Utama
Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP)

- Menggalakkan kecanggihan ekonomi
- Beralih daripada penumpuan sektor kepada misi kebangsaan
- Pelaburan Langsung Domestik (DDI) sebagai KPI utama

3 Destinasi Pelaburan Berdaya Saing Bertaraf Global

Menempatkan Malaysia sebagai hab serantau dan menyokong pengembangan syarikat tempatan

- Memperkukuh promosi pelaburan
- Mengkaji semula insentif untuk menggalakkan pelaburan berkualiti
- Menaik taraf infrastruktur dan meningkatkan pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan pelabur
- Peneraju ekonomi Islam global

4 Agenda Pendigitalan

Meningkatkan digitalisasi merentasi Negeri, Syarikat dan Masyarakat

- Menggalakkan pendigitalan oleh syarikat melalui geran padanan
- Pelaksanaan ID Digital bagi memacu aplikasi pendigitalan
- Pelancaran dwirangkaian 5G, diterajui industri yang memacu aplikasi industri

- 'Menaikkan Siling' bertujuan menstruktur semula ekonomi negara. Usaha tertumpu kepada meningkatkan tahap daya saing syarikat tempatan, dengan memanfaatkan kecanggihan ekonomi dan beralih kepada rantaian bekalan bernilai tinggi.
- Kadar pertumbuhan yang kukuh adalah penting untuk ekonomi, khususnya untuk menggalakkan keterangkuman dan kemampanan kewangan. Pertumbuhan ekonomi Malaysia memerlukan syarikat tempatan meningkatkan daya saing dan menembusi pasaran ASEAN, India dan China.
- Mesej kita kepada dunia ialah Malaysia terbuka dan bersedia menerima kehadiran para pelabur dan perniagaan. Kerajaan akan memberi tumpuan bagi memastikan daya saing dan kemudahan menjalankan perniagaan untuk FDI dan DDI. Agenda pendigitalan holistik diperlukan untuk menaik taraf syarikat tempatan di samping menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam.

5 Menyokong Pengembangan Syarikat Tempatan di Semua Tahap

Menyokong syarikat untuk memacu inovasi dan persaingan

- Menambah baik ekosistem inovasi dan modal teroka
- Memanfaatkan bakat tempatan dan menarik bakat luar ke Malaysia
- Menggalakkan orientasi eksport PMKS
- Merancakkan semula pasaran modal bagi memacu transformasi syarikat

6 Perusahaan Mikro / Tempatan dan Sektor Tidak Formal

Sebilangan besar PMKS berpotensi untuk berkembang

79% — Landskap PMKS Malaysia terdiri daripada perusahaan mikro (e.g. kedai runcit, gerai, dll.)

Belanjawan 2023 mengandungi lebih daripada 70 inisiatif bagi PMKS yang tertumpu kepada pembiayaan, namun masih banyak yang boleh dilaksanakan

Kerajaan: *Insiatif Pendapatan Rakyat bagi meningkatkan pendapatan* +

Syarikat:
- Pembangunan vendor Bumiputera
- Pasaran digital bagi PMKS
- Peningkatan akses kepada pembiayaan

7 Pertumbuhan Hijau demi Ketahanan Iklim

Inisiatif Utama Dasar Tenaga Negara dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga

Tunggak utama di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga

- Meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu
- Membangun tenaga boleh baru melalui sistem serba lengkap
- Pemasangan panel solar di bangunan Kerajaan
- Menggalakkan industi baharu dalam pertumbuhan hijau seperti EV, hidrogen, CCUS

8 Keterjaminan Makanan - Memastikan Kelangsungan Bekalan

Rantaian bekalan makanan global berisiko disebabkan...

- Ketegangan Geopolitik
- Perubahan Iklim

... sekali gus menyebabkan peningkatan harga makanan

Oleh itu, kita perlu meningkatkan keterjaminan makanan negara melalui tiga kaedah:

- Menggunakan teknologi agro untuk meningkatkan produktiviti tempatan
- Mewujudkan diplomasi perdagangan yang menang-menang
- Mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar

- Strategi ekonomi negara terpakai kepada semua syarikat tempatan di setiap tahap. Kerajaan menyokong transformasi PMKS tempatan dalam memacu inovasi dan memberi tumpuan kepada aktiviti eksport. Sokongan bagi perusahaan mikro tertumpu kepada penyediaan akses pembiayaan dan sokongan pendigitalan.
- Menggalakkan pertumbuhan hijau bagi mengukuhkan daya tahan iklim dan membuka peluang perniagaan serta pekerjaan baharu. Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga akan mendorong penjanaan tenaga boleh baharu, memacu bidang pertumbuhan baharu, iaitu EV dan CCUS, dengan dasar dan insentif baharu.
- Meningkatkan keterjaminan makanan dengan memberi tumpuan kepada mengoptimumkan tanah sedia ada, serta menambah baik produktiviti melalui pengunaan teknologi agro di samping mempelbagaikan sumber bekalan barangan makanan kritikal.